

# BAB TIGA

## BAB 3

### DAPATAN KAJIAN PENGUASAAN PELAJAR DALAM PENGGUNAAN KATA KERJA MABNIY

#### 3.0 Pendahuluan

Mata pelajaran bahasa Arab telah diajarkan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama seluruh negara yang merupakan salah satu mata pelajaran wajib yang mesti dipelajari oleh pelajar tingkatan empat dan lima. Berdasarkan ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia, objektif pengajaran bahagian qawaa'id (Nahu) bahasa Arab di sekolah menengah adalah untuk:

- i.. memupuk kemahiran pelajar dalam berbahasa Arab dari segi percakapan dan ucapan mengikut kaedah bahasa Arab yang betul.
- ii.. membolehkan pelajar membaca bahan bacaan bahasa Arab dalam pelbagai bentuk dengan kefahaman yang betul.
- iii. membekalkan pelajar dengan kemahiran menulis bahasa Arab dalam pelbagai bentuk penulisan yang betul dan tepat.
- iv. mengelakkan pelajar daripada melakukan sebarang kesilapan ketika bercakap atau menulis dalam bahasa Arab.

Mengikut sukanan pelajaran juga, pelajar akan didedahkan dengan penggunaan kata-kata kerja dalam pelbagai bentuk; kata kerja kala lampau, kala kini/depan dan kata kerja imperatif. Kata kerja dalam bentuk mabniy atau mu'rab juga ada didedahkan dalam sukanan pelajaran (Draf Sukanan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi KBSM).

Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar dalam mengguna dan membezakan antara kata kerja mabniy dan kata kerja mu’rab. Di sini kaedah deskriptif digunakan dan dijalankan secara kajian lapangan dengan menggunakan sampel ujian kemahiran untuk menjalankan penyelidikan ini. Dalam konteks penyelidikan ini, pelajar-pelajar diminta menjawab soalan-soalan yang ada kaitannya dengan kata kerja mabniy yang digunakan dalam bahasa Arab yang telah dipelajari dalam pelajaran yang lalu.

### **3.1 Lokasi dan Instrumen Kajian.**

#### **3.1.1 Lokasi**

Kajian ini dibuat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor. Sekolah ini terletak di Pasir Penambang kira-kira empat kilometer dari Pekan Kuala Selangor. Pembinaan sekolah ini dimulakan pada tahun 1991 dan siap pada tahun 1994 dan mula beroperasi pada 16/04/1994 dengan kakitangannya seramai 13 orang termasuk pengetuanya En. Mohd. Yusuf Dimin.

Pelajar pertama diterima memasuki sekolah ini ialah pada bulan Jun, 1994 seramai 214 orang yang terdiri daripada dua tingkatan, iaitu Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat dari Aliran Sains dan Aliran Agama. Bilangan guru dan kakitangan pada masa tersebut ialah seramai 22 orang. Semua pelajarnya terdiri daripada bangsa Melayu yang terpilih yang datang dari seluruh negeri Selangor. Pada masa sekarang sekolah ini merupakan salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di bawah pentadbiran Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia yang berusaha untuk melahirkan pelajar-pelajar aliran Sains dan Teknikal yang

dimantapkan dengan pendidikan Islam yang sejati dan murni .(Rujukan: Majalah Sekolah SMKA Kuala Selangor, 2002M).

Kajian ini melibatkan seramai 35 orang pelajar lelaki dan 35 orang pelajar perempuan dari tingkatan IV yang diambil dari empat kelas. Pelajar tingkatan empat ini diambil sebagai responden memandangkan pelajar tingkatan V sedang sibuk dalam memberikan tumpuan sepenuhnya untuk menghadapi peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) beberapa bulan lagi.

### **3.1.2      Instrumen Kajian**

Instrumen kajian dalam penyelidikan ini ialah dengan menggunakan borang soal-selidek, di mana pelajar-pelajar diminta menjawab soalan secara objektif aneka pilihan yang terdiri daripada 18 soalan mengenai kata kerja mabniy. Soalan-soalan terdiri daripada tiga bahagian yang merangkumi ketiga-tiga kata kerja mabniy, iaitu kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun tawkiid mubaasharat dan nuun niswaṭ serta kata kerja imperatif.

Kata kerja kala lampau disediakan sebanyak enam soalan yang mewakili perbezaan kata kerja mabniy, pemakaian tandanya dan mengapakah ianya ditanda dengan baris dammaṭ, tanda sukuun, atau baris fathaṭ. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Pilihan kata kerja mabniy sama ada kata kerja kala lampau atau kata kerja kala kini.

- 2) Pemakaian tanda kata kerja kala lampau, sama ada dengan baris dammat, tanda sukun, atau baris fathat.
- 3) Pilihan kata kerja mabniy dalam bentuk mufrad atau jamak.
- 4) Pemakaian tanda mabniy kata kerja kala lampau dalam bentuk jamak, sama ada dengan baris dammat, tanda sukun, atau baris fathat.
- 5) Sebab yang menjadikan kata kerja kala lampau ditandakan dengan tanda sukuun, apakah kerana ianya bersambung dengan taa' al-maftuuhat, atau taa' pelaku atau taa' al-ta'niith.
- 6) Pemakaian tanda mabniy kata kerja kala lampau dari kumpulan kata kerja ajwaf, sama ada dengan baris dammat, tanda sukun, atau baris fathat.

Kata kerja kala kini disediakan empat soalan kerana ia terdiri daripada dua bahagian sahaja yang tergolong dalam kelompok kata kerja mabniy. Kata kerja tersebut adalah kata kerja yang bersambung dengan nuun niswat atau pun nuun tawkiid mubaasharat, manakala kata kerja yang lainnya adalah tergolong dalam kata kerja mu'rab. Soalan yang ditanyakan adalah berhubung dengan pemakaian tandanya dan mengapakah ianya ditandakan dengan kasus-kasus tertentu. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- 7) Pemakaian tanda mabniy kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun niswat, sama ada dengan baris dammat, tanda sukun, atau baris fathat.
- 8) Pemakaian tanda yang menjadikan kata kerja kala kini ditandakan dengan kasus sukuun, apakah kerana ianya bersambung dengan nuun al-tawkid thaqiilat, atau nuun duaan (al-muthanna) atau nuun al-niswat.
- 9) Pemakaian tanda mabniy kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun al-tawkiid, sama ada dengan baris dammat, tanda sukun, atau baris fathat.

- 10) Sebab yang menjadikan kata kerja kala kini ditandakan dengan baris fathat, apakah kerana ianya bersambung dengan nuun al-niswāt, atau nuun al-tawkiid thaqīlāt, atau nuun duaan (al-muthanna).

Bagi kata kerja imperatif pula disediakan sebanyak lapan soalan yang merangkumi kata kerja sahiih, kata kerja ajwaf, kata kerja naaqis huruf yaa' dan huruf waaw serta kata kerja dalam bentuk duaan dan jamak dan juga kata kerja imperatif yang bersambung dengan nuun tawkiid dan nuun niswāt. Persoalannya ialah dengan apakah tanda-tanda mabniy tersebut ditujukan. Soalan tersebut adalah seperti berikut:

- 11) Tanda mabniy kata kerja imperatif yang sahiih, sama ada dengan baris kasrāt, atau tanda sukuun atau pengguguran huruf 'illat.
- 12) Tanda mabniy kata kerja imperatif dari golongan kata kerja ajwaf, sama ada dengan baris kasrāt, atau tanda sukuun atau pengguguran huruf 'illat.
- 13) Tanda mabniy kata kerja imperatif dari golongan kata kerja naaqis huruf yaa', sama ada dengan baris kasrāt, atau tanda sukuun atau pengguguran huruf 'illat.
- 14) Tanda mabniy kata kerja imperatif dari golongan kata kerja naaqis huruf yaa', sama ada dengan baris dammat, atau tanda sukun atau pengguguran huruf 'illat, atau baris fathat.
- 15) Tanda mabniy kata kerja imperatif duaan, sama ada dengan baris fathatt, atau tanda sukuun atau pengguguran huruf nuun.
- 16) Tanda mabniy kata kerja imperatif jamak, sama ada dengan baris dammat, atau tanda sukuun atau pengguguran huruf nuun.
- 17) Tanda kata kerja imperatif yang bersambung dengan nuun tawkiid, sama ada dengan baris fathat, atau tanda sukuun atau gandaan huruf (shaddat).

- 18) Tanda kata kerja imperatif yang bersambung dengan nuun niswat, sama ada dengan tanda sukuun, baris fathat atau gandaan huruf (shaddat).

### **3.2      Kaedah Kajian .**

Penyelidikan ini dijalankan dengan mengemukakan soalan secara objektif aneka pilihan sebanyak 18 soalan bagi mengenalpasti kefahaman sebenar pelajar-pelajar terhadap kata kerja mabniy bahasa Arab. Kata-kata kerja tersebut merangkumi semua bahagian yang terdiri daripada kata kerja kala lampau, kata kerja imperatif dan juga kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun tawkiid al-mubasharat dan juga nuun al-niswat.

Kata-kata kerja yang ditanyakan adalah kata kerja kala lampau dalam bentuk mufrad dan juga jamak, kata kerja kala kini jamak feminin (nuun al-niswat) dan juga nuun tawkiid al-mubaasharat. Kata kerja imperatif dalam bentuk mufrad, duaan dan jamak juga ditanyakan di samping kata-kerja berbentuk ajwaf dan naaqis.

Taburan soalan kajian yang ditanyakan adalah seperti jadual di sebelah.

**Jadual 3.1**  
**Kata-Kata Kerja Mabniy**

<i>Bil</i>	<i>Kata Kerja</i>	<i>Jenis Kata Kerja</i>	<i>Pemakaian tanda Mabniy ke atas apa.</i>	<i>Kerana apa Pemakaian tanda mabniy itu dibuat</i>
1	ضَرَبَ	/		
2	خَتَمَ		/	
3	جَهَلُوا	/		
4	قَالُوا		/	
5	احْتَرَفْتُ			/
6	فَعَمِّلْتُ		/	
7	يَعْلَمُنَّ		/	
8	يَبْدَلُنَّ			/
9	لَيَتَهْدَنَّ		/	
10	لَا قُوْنَمَنَّ			/
11	وَاضْرَبَ		/	
12	قُلْ		/	
13	أَقْرِئْ		/	
14	ادْعُ		/	
15	اسْفَرَا		/	
16	اذْخَلُوا		/	
17	أَكْرِمَنَّ		/	
18	اجْتَهَدْنَّ		/	

Jadual tersebut menunjukkan taburan isi kandungan soalan.

Pelajar-pelajar diminta menandakan jawapan aneka pilihan A, B, atau C berdasarkan bahagian-bahagian soalan yang dinyatakan seperti dalam Rajah 1. Masa yang diperuntukkan kepada pelajar adalah selama satu jam..

### 3.3 Analisis Kajian.

Berikut ini penulis akan membuat analisis mengenai pencapaian pelajar-pelajar lelaki dan perempuan berpandukan kepada dapatkan-dapatkan hasil kajian yang dibuat.


#### 3.3.1 Analisis Kata Kerja Kala Lampau.

**Jadual 3.2**

#### Kata Kerja Mabniy – Kata Kerja Kala Lampau


<i>Bil</i>	<i>Jenis Kata Kerja</i>	<i>Bilangan Responden Dan % Jawapan Betul</i>					
		Lelaki = 35		Perempuan = 35		Jumlah = 70	
		Betul	%	Betul	%	Betul	%
1	Kata Kerja Kala Lampau (Mufrad Maskulin)	24	68.6	20	57.1	44	62.86
2	Kata Kerja Kala Lampau (Mufrad Maskulin) Pemakaian Tanda Mabniy	33	94.3	33	94.3	66	94.29
3	Kata Kerja Kala Lampau (Jamak Maskulin)	18	51.4	23	65.7	41	58.57
4	Kata Kerja Kala Lampau (Jamak Maskulin) Pemakaian Tanda Mabniy	27	77.1	23	65.7	50	71.43
5	Kata Kerja Kala Lampau (Bersambung dengan taa' Pelaku) Sebab Mabniy Di atas Kasus Sukun	28	80.0	29	82.9	57	81.43
6	Kata Kerja Kala Lampau (Jamak Maskulin) Pemakaian Tanda Mabniy	27	77.1	30	85.7	57	81.43

Merujuk kepada Jadual 3.2 di atas, dapatkan analisis bagi kata kerja kala lampau adalah seperti berikut:




**Rajah 3.1 Kata Kerja Kala Lampau ( Mufrad Maskulin )**

Rajah 3.1 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 68.6%, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 57.1%. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki meningkat berbanding pelajar perempuan sebanyak 11.5 %.




**Rajah 3.2 Kata Kerja Kala Lampau ( Mufrad Maskulin ) Pemakaian Tanda Mabniy**

Rajah 3.2 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 94.3%, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 94.3%. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki dan perempuan adalah setara.




**Rajah 3.3 Kata Kerja Kala Lampau ( Jamak Maskulin )**

Rajah 3.3 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 51.4 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 65.7 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki sebanyak 14.3 %.




**Rajah 3.4 Kata Kerja Kala Lampau ( Jamak Maskulin ) Pemakaian Tanda Mabnij**

Rajah 3.4 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 77.1 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 65.7 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan sebanyak 11.4 %.



**Rajah 3.5 Kata Kerja Kala Lampau ( Bersambung dengan Taa' Pelaku ) Mabniy Dengan Tanda Sukun**

Rajah 3.5 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 80.0 %, manakala pelajar perempuan pula dapat menjawab dengan tepat sebanyak 82.9 %. Ini bermakna bahawa pelajar perempuan dapat mengatasi pelajar lelaki sebanyak 2.9 %.



**Rajah 3.6 Kata Kerja Kala Lampau ( Jamak Maskulin ) Pemakaian Tanda Mabniy**

Rajah 3.6 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 77.1 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak

85.7 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki sebanyak 8.6 %.


### 3.3.2 Analisis Kata Kerja Kala Kini.

**Jadual 3.3**

**Kata Kerja Mabniy – Kata Kerja Kala Kini**

<i>Bil</i>	<i>Jenis Kata Kerja</i>	<i>Bilangan Responden Dan % Jawapan Betul</i>					
		Lelaki = 35		Perempuan = 35		Jumlah = 70	
		<i>Betul</i>	<i>%</i>	<i>Betul</i>	<i>%</i>	<i>Betul</i>	<i>%</i>
7	Kata Kerja Kala Kini (Jamak Feminin) Pemakaian Tanda Mabniy	29	82.9	30	85.7	59	84.29
8	Kata Kerja Kala Kini (Jamak Feminin) Sebab Mabniy Dengan Baris Sukuun	20	57.1	25	71.4	45	64.29
9	Kata Kerja Kala Kini (Bersambung dengan nuun al-tawkiid) Pemakaian Tanda Mabniy	30	85.7	28	80.0	58	82.86
10	Kata Kerja Kala Kini (Mufrad Mutakallim) Sebab Mabniy Dengan Baris Fathat.	34	97.1	33	94.3	67	95.71


Merujuk kepada Jadual 3.3 di atas, dapatan analisis bagi kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun niswaṭ (jamak feminin) dan juga nuun tawkiid mubaasharat adalah seperti berikut:



**Rajah 3.7 Kata Kerja Kala Lampau ( Jamak Maskulin ) Pemakaian Tanda**

#### **Mabniy**

Rajah 3.7 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 82.9 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 85.7 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki sebanyak 2.8 %.




**Rajah 3.8 Kata Kerja Kala Kini ( Jamak Maskulin ) Pemakaian Tanda Mabniy**

#### **Dengan Baris Sukun**


Rajah 3.8 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 57.1 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak

71.4 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki sebanyak 14.3 %.



**Rajah 3.9 Kata Kerja Kala Kini ( Bersambung Dengan Nuun al-Tawkid )  
Pemakaian Tanda Mabniy**

Rajah 3.9 menunjukkan daptan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 85.7 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 80.0 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan sebanyak 5.7 %.



**Rajah 3.10 Kata Kerja Kala Kini ( Jamak Maskulin ) Pemakaian Tanda Mabniy  
Dengan Baris Fathat**

Rajah 3.10 di sebelah menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 97.1 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 94.3 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki meningkat berbanding pelajar perempuan sebanyak 2.8 %.


### 3.3.3 Analisis Kata Kerja Imperatif.

**Jadual 3.4**

**Kata Kerja Mabniy – Kata Kerja Imperatif**


<i>Bil</i>	<i>Jenis Kata Kerja</i>	<i>Bilangan Responden Dan % Jawapan Betul</i>					
		<i>Lelaki = 35</i>		<i>Perempuan = 35</i>		<i>Jumlah = 70</i>	
		<i>Betul</i>	<i>%</i>	<i>Betul</i>	<i>%</i>	<i>Betul</i>	<i>%</i>
11	Kata Kerja Imperatif (KK Sahih Saalim) Pemakaian Tanda Mabniy	32	91.4	33	94.3	65	92.86
12	Kata Kerja Imperatif (Kata Kerja Ajwaf) Pemakaian Tanda Mabniy	09	25.7	16	45.7	25	35.71
13	Kata Kerja Imperatif (KK Naaqis Yaa') Pemakaian Tanda Mabniy	21	60.0	14	40.0	35	50.00
14	Kata Kerja Imperatif (KK Naaqis Waaw) Pemakaian Tanda Mabniy	25	71.4	18	51.4	43	61.43
15	Kata Kerja Imperatif (KK Sahih Duaan) Pemakaian Tanda Mabniy	22	62.9	19	54.3	41	58.52
16	Kata Kerja Imperatif (KK Sahih Jamak) Pemakaian Tanda Mabniy	12	34.3	4	11.4	16	22.86
17	Kata Kerja Imperatif (Bersambung dengan nuun al-tawkiid) Pemakaian Tanda Mabniy	26	74.3	27	77.1	53	75.71
18	Kata Kerja Imperatif (Bersambung dengan nuun al-niswat)	27	77.1	26	74.3	53	75.71

Merujuk kepada Jadual 3.4 di atas, dapatan analisis bagi kata kerja imperatif adalah seperti berikut:




**Rajah 3.11 Kata Kerja Imperatif ( Sahih Saalim ) Pemakaian Tanda Mabniy**

Rajah 3.11 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 91.4 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 94.3 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki sebanyak 2.9 %.




**Rajah 3.12 Kata Kerja Imperatif ( Kata Kerja Ajwaf ) Pemakaian Tanda Mabniy**

Rajah 3.12 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 25.7 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 45.7 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki sebanyak 20.0 %.



**Rajah 3.13 Kata Kerja Imperatif ( Kata Kerja Naaqis Yaa' ) Pemakaian Tanda Mabniy**


Rajah 3.13 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 60.0 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 40.0 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan sebanyak 20.0 %.



**Rajah 3.14 Kata Kerja Imperatif ( Kata Kerja Naaqis Waaw ) Pemakaian Tanda Mabniy**


Rajah 3.14 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 71.4 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat

sebanyak 51.4 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan sebanyak 20.0 %




**Rajah 3.15 Kata Kerja Imperatif ( Kata Kerja Sahiih Duaan ) Pemakaian Tanda Mabniy**

Rajah 3.15 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 62.9 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 54.3 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan sebanyak 8.6 %.



**Rajah 3.16 Kata Kerja Imperatif ( Kata Kerja Sahiih Jamak ) Pemakaian Tanda Mabniy**


Rajah 3.16 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 34.3 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 11.4 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan sebanyak 22.9 %.



**Rajah 3.17 Kata Kerja Imperatif ( Bersambung Dengan Nuun Tawkiid) Pemakaian Tanda Mabniy**

Rajah 3.17 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 74.3 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak

77.1 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar perempuan meningkat berbanding pelajar lelaki sebanyak 2.8 %.



**Rajah 3.18 Kata Kerja Imperatif (Bersambung Dengan Nuun Niswat)**

#### Pemakaian Tanda Mabniy

Rajah 3.18 menunjukkan dapatan bahawa pelajar lelaki menjawab dengan tepat sebanyak 77.1 %, manakala pelajar perempuan pula menjawab dengan tepat sebanyak 74.3 %. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan sebanyak 2.8 %.

Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan dapat menjawab dengan tepat dalam bahagian kata kerja kala lampau mengatasi pelajar lelaki. Ini terbukti bahawa mereka memperolehi markah purata sebanyak 75.23 % berbanding dengan pelajar lelaki yang hanya mendapat markah purata sebanyak 74.75 %. Ini bermakna bahawa pelajar perempuan memperolehi markah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki sebanyak 0.48 %. Begitu juga dalam bahagian kata kerja kala kini, pelajar perempuan sekali lagi telah mengatasi pelajar lelaki dari segi peratus pencapaian keseluruhannya. Mereka memperolehi peratus keseluruhan sebanyak 82.85 % berbanding pelajar lelaki yang hanya memperolehi 80.7 %. Ini bermakna bahawa markah pelajar perempuan lebih tinggi sebanyak 2.15 % berbanding dengan pelajar

lelaki. Tetapi keadaan berlaku sebaliknya dalam bahagian kata kerja imperatif di mana pelajar lelaki dapat mengatasi pelajar perempuan. Pelajar lelaki mendapat kelulusan 62.1 % berbanding dengan pelajar perempuan yang hanya mendapat 55.1 % sahaja. Ini bermakna bahawa pelajar lelaki mengatasi pelajar perempuan sebanyak 7.0 %.


### **Analisa Bahagian A ( Latar Belakang Responden )**

**Jadual 3.5**

#### **Analisa Responden Lelaki dan Perempuan**

Bil	Item	Bilangan Skor Responden dan Peratus Jawapan				Keputusan : L = Sastera P = Sastera	
		Lelaki = 35		Perempuan = 35			
		Jawapan	%	Jawapan	%		
S1	Aliran / Opsyen	Sastera 18	51.4	Sastera 24	68.6		
		Sains 17	48.6	Sains 11	31.4		
	Peratusan tertinggi	Sastera	51.4	Sastera	68.6		

KAAs – Kelas Aliran Agama diwujudkan di Sekolah Menengah Biasa.



**Rajah 3.19 Bilangan Responden Mengikut Aliran / Opsyen**


Rajah 3.19 di sebelah menunjukkan nisbah aliran / opsyen sains dan sastera responden mengikut jantina beserta nilai peratus. Bacaan jumlah bagi responden yang mengikuti aliran sastera ( L = 18 responden , 51.4% ) , ( P= 24 responden , 68.6% ), manakala bagi aliran sains ( L = 17 responden , 48.6% ) , ( P = 11 responden , 31.4% ).

Merujuk kepada hasil jawapan jadual 3 dan 4 sebelum ini, kebanyakan responden yang dapat menjawab dengan tepat adalah dari aliran sastera. Di sini memberi gambaran secara umum bahawa pencapaian bahasa Arab dapat dikuasai lebih mendalam dengan bantuan serta penglibatan mata pelajaran lain yang saling berkaitan dalam jurusan sastera. Dari sudut cara pembelajaran, aliran sastera lebih tertumpu kepada minda yang bersifat menghafaz fakta, menghurai, mengaplikasi serta latihan. Mata pelajaran Pendidikan Islam adalah subjek yang sangat relevan khususnya bidang Tilawah dan Hadith. Latih tubi dalam terjemahan dan huraian ayat atau hadith dapat mengasah minda pelajar dalam membezakan Kata Kerja Mabniy serta menghasilkan pencapaian yang lebih tinggi daripada aliran sains.

#### **Jadual 3.6**

#### **Analisis Responden Mengikut Kerjaya Keluarga**

Bil	Item	Bilangan Skor Responden dan Peratus Jawapan					
		Lelaki = 35		Perempuan = 35		Jumlah = 70	
		Jawapan	%	Jawapan	%	Keputusan :	
S2	Kerjaya Keluarga	Akademik 9	25.7	Akademik 20	57.1	L = Bukan	
		Bukan Akademik 26	74.3	Bukan Akademik 15	42.9	Akademik	
	Peratus Tertinggi	Bukan Akademik	74.3	Akademik	57.1	P = Akademik	



**Rajah 3.20 Bilangan Responden Mengikut Kerjaya Keluarga**

Rajah 3.20 menunjukkan suatu perbandingan dengan jelas antara latar belakang kerjaya keluarga responden, di mana sedikit sebanyak dapat mempengaruhi minat serta perkembangan dari sudut dorongan kepada pencapaian pelajar. Bacaan kerjaya keluarga bagi pelajar untuk golongan Kerjaya Akademik adalah ( $P = 20, 57.1\%$ ,  $L = 9, 25.7\%$ ), manakala Kerjaya Bukan Akademik ( $P = 15, 42.9\%$ ), ( $L = 26, 74.3\%$ ). Penulis dapat simpulkan dari bacaan tersebut bahawa latar belakang kerjaya keluarga juga dapat memberi sumbangan yang positif dan merupakan suatu kelebihan terhadap perkembangan pembelajaran pelajar.


Kerjaya yang berkaitan dengan pendidik atau guru lebih banyak memberi sumbangan terhadap pencapaian perkembangan pembelajaran. Bacaan yang tinggi bagi jawapan betul dalam soal selidik Kata Kerja Mabniy adalah dari latar belakang kerjaya keluarga sebagai pendidik. Jika dilihat dari sudut jantina, pelajar perempuan menunjukkan lebih 80% menjawab dengan betul dibandingkan dengan pelajar lelaki.

**Jadual 3.7**

**Analisis Responden Mengikut Pencapaian Bahasa Arab PMR**

Bil	Item	Bilangan Skor Responden Dan Peratus Jawapan					
		Lelaki = 35		Perempuan = 35		Jumlah = 70	
		Jawapan	%	Jawapan	%	Keputusan :	
S3	Pencapaian B. Arab (PMR)	Gred A 16	45.7	Gred A 22	62.9	L = Gred B P = Gred A	
		Gred B 19	54.3	Gred B 13	37.1		
	% tertinggi	Gred B	54.3	Gred A	62.9		

**Pencapaian B. Arab ( PMR )**



**Rajah 3.21 Bilangan Responden Mengikut Pencapaian Bahasa Arab PMR**

Rajah 3.21 di atas menunjukkan bacaan gred bagi pencapaian bahasa Arab dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi lelaki dan perempuan. Bacaan pelajar lelaki adalah ( 16 Gred A, 45.7% ) manakala pelajar perempuan ( 22 Gred A , 62.9% ). Bagi Gred B ( L = 19 , 54.3% ), ( P = 13, 37.1% ). Bacaan tersebut dapat menjelaskan


bahawa pencapaian dan kemampuan yang sedia ada pada pelajar dapat membantu menjawab soal selidik berkaitan Kata Kerja Mabniy. Kenyataan tersebut dapat membuktikan bahawa pelajar yang mencapai Gred A dalam PMR dapat menjawab lebih betul dalam soal selidik yang dijalankan oleh penulis. Hasil bacaan juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan masih mendahului jumlah skor Gred A berbanding pelajar lelaki. Oleh itu, jelaslah bahawa kaitan tersebut dapat menyokong mengapa pelajar perempuan lebih banyak mengatasi pelajar lelaki dalam menjawab soal selidik. ( Rujuk Jadual 3.3 dan 3.4 ).

**Jadual 3.8**

**Analisis Responden Mengikut Sekolah Sebelumnya**

Bil	Item	Bilangan Skor Responden Dan Peratus Jawapan					
		Lelaki = 35		Perempuan = 35		Jumlah = 70	
		Jawapan	%	Jawapan	%	Keputusan :	
S4	Latar belakang sekolah (semasa PMR )	SMKA	40	SMKA	66.7	L = KAA P = SMKA	
		14		23			
		KAA	60	KAA	34.3		
		21		12			
	% tertinggi	KAA	60	SMKA	66.7		

### Latar belakang sekolah ( semasa PMR )



**Rajah 3.22 Bilangan Responden Mengikut Latar Belakang Sekolah Semasa PMR**

Rajah 3.22 di atas menunjukkan bacaan bahawa latar belakang pelajar sekolah semasa PMR mempunyai hubungkait dengan pencapaian bahasa Arab. Bacaan dapat dikategorikan mengikut aliran sekolah iaitu SMKA dan KAA ( Kelas Aliran Agama ). KAA adalah istilah bagi sekolah yang ada kelas mata pelajaran bahasa Arab sebagai mata pelajaran peperiksaan. Sekolah tersebut dalam kategori sekolah harian biasa.

Merujuk bacaan Rajah 3.22, pelajar lelaki SMKA adalah ( $L = 14, 40\%$ ) dan pelajar perempuan ( $P = 23, 66.7\%$ ). Bagi sekolah KAA ( $L = 21, 60\%$ ), ( $P = 12, 34.3\%$ ). Latar belakang sekolah juga ada hubungkait dengan jumlah jawapan betul bagi soal selidik berkenaan Kata Kerja Mabniy. Pelajar yang berasal dari SMKA lebih tinggi pencapaiannya yang jika dibandingkan dengan pelajar sekolah KAA. Perbandingan pencapaian dari sudut jantina pula, pelajar perempuan masih lagi mengatasi pencapaian pelajar lelaki, kerana jumlah pelajar perempuan yang terlibat dalam soal selidik kebanyakannya adalah pelajar dari SMKA.

Banyak perkara boleh dipersoalkan; antaranya berkaitan suasana pembelajaran di KAA itu sendiri. KAA hanya wujud dengan jumlah kelas yang sangat kecil antara satu hingga tiga kelas sahaja dan bakinya adalah kelas harian biasa. Pengaruh sekeliling lebih dominan hingga suasana kelas bahasa Arab hampir tidak wujud. Komunikasi dalam bahasa Arab sesama pelajar menjadi janggal. Akibatnya, pelajar tidak dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan sempurna.

Kesimpulan daripada beberapa faktor yang dibincangkan di atas, memberi gambaran jelas secara umum bahawa pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab masih di tahap sederhana. Pelajar lelaki mencatat pencapaian lebih rendah serta ketinggalan berbanding pelajar perempuan.

### **3.4 Penutup.**

Kajian dan soal-selidik yang telah dibuat menggambarkan pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab masih di tahap sederhana. Pencapaian pelajar lelaki adalah lebih rendah berbanding dengan pelajar perempuan. Oleh itu, banyak pihak yang perlu melibatkan diri dalam usaha meningkatkan lagi pencapaian dan penguasaan bahasa Arab pelajar, terutamanya pelajar lelaki. Dengan wujudnya kerjasama dan permuafakatan dari pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, sekolah, tenaga pendidik, ibu bapa dan pelajar sendiri khususnya, Insya-Allah, pencapaian bahasa Arab di sekolah-sekolah akan dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik pada masa akan datang.